



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 2 MEI 2025**

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAS PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	KETETAPAN TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK
SH/SUKNS/ BIL.9/2025	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Theatre Wisma Negeri Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan	Kelas : G2 Kategori : B Pengkhususan : B07 & B24	RM50.00	7 Mei 2025 10.00 pagi Dewan Theatre, Aras G, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan

PERINGATAN : Lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.

2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi mulai **7 Mei 2025 (selepas sesi taklimat)** hingga **14 Mei 2025** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti amaun di atas dan bayaran hendaklah dilaksanakan secara atas talian melalui pautan berikut <https://n9pay.ns.gov.my/>.
3. Syarikat dikehendaki membawa **Resit Pembayaran, Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** semasa mengambil dokumen sebut harga.
4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari, 15 Mei 2025**. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan mengenai dokumen sebut harga boleh menghubungi di talian **06-7602148 / 06-7659917 / 06-7602045**.